

13 MAR 1999

MSC MENARIK 29 FIRMA ANTARABANGSA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) telah menarik 29 syarikat antarabangsa, melebihi daripada yang dijangkakan mengikut jadualnya.

Katanya MSC sebenarnya membuat sasaran mendapatkan 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003.

"Ini bermakna buat masa sekarang, ia (MSC) telah bergerak jauh lebih awal daripada rancangan asalnya," katanya selepas merasmikan pejabat Bloomberg (Malaysia) Sdn Bhd di sini.

Perdana Menteri juga berkata berikutan mesyuarat Majlis MSC yang dipengerusikannya semalam, telah dipastikan bahawa MSC bergerak maju dengan baik dan tidak sebaliknya seperti yang dilaporkan media asing.

Setakat ini lebih daripada 200 syarikat telah didaftarkan sebagai syarikat-syarikat MSC, separuh daripadanya syarikat Malaysia dan bakinya syarikat asing, katanya.

MSC meliputi kawasan 750 kilometer persegi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan ia dirancang menjadi pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA
AD MR RON